

KENYATAAN MEDIA

22 Sept 2022

Global Bersih menyeru Suruhanjaya Pilihan Raya untuk membuat perubahan kepada sistem pengundian pos luar negara untuk PRU-15 dengan segera

Global Bersih telah mengesahkan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa rakyat Malaysia di luar negara akan menggunakan sistem undi pos luar negara yang sedia ada untuk mengundi dalam PRU-15. Oleh itu, kami menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya membuat perubahan segera terhadap sistem pengundian pos luar negara ini bagi memastikan jumlah pengundi Malaysia yang semakin meningkat di luar negara dapat mengundi dengan berkesan pada PRU 15. Menurut spekulasi, PRU-15 mungkin diadakan pada November 2022, oleh itu perubahan ini perlu dilaksanakan secepat mungkin.

Perubahan yang digesa termasuk:

- Suruhanjaya Pilihanraya perlu membuka **proses pendaftaran untuk pengundi luar negara dengan serta merta** untuk mengelakkan pemprosesan tertunggak dan kelewatan. Pada masa ini, rakyat Malaysia di luar negara perlu mendaftar sebagai pegundi pos luar negara dalam tempoh yang singkat sebelum setiap pilihan raya. Ini memberi tekanan kepada kakitangan Suruhanjaya Pilihan Raya dalam pemprosesan permohonan manakala pengundi luar negara tidak sempat untuk memohon dalam tempoh masa yang ketat.
- **Membenarkan bukan warganegara Malaysia menjadi saksi dokumen undi** dalam proses pengundian luar negara. Dokumen undi pos yang perlu ditandatangani dan disahkan oleh seorang warganegara Malaysia telah terbukti menjadi penghalang bagi rakyat Malaysia di luar negara yang tinggal di kawasan yang mempunyai sedikit atau tiada rakyat Malaysia yang lain. Sekiranya bukan warganegara Malaysia dibenarkan menjadi saksi, lebih ramai rakyat Malaysia di luar negara berpeluang untuk mengambil bahagian dalam proses pengundian.
- **Pemanjangan tempoh kempen kepada sekurang-kurangnya 21-25 hari**, bagi memberi masa yang mencukupi untuk kertas undi pos dihantar kepada pengundi luar negara dan dikembalikan ke pusat mengundi. Tempoh kempen untuk pilihan raya sebelum ini terlalu singkat dan telah menghalang pengundi luar negara menerima dan memulangkan kertas undi secara pos biasa, dan memerlukan penggunaan perkhidmatan kurier yang mahal. Pelaksanaan Undi18 dan Pendaftaran Pengundi Automatik akan menyebabkan pertumbuhan daripada 14.9 juta pemilih yang layak pada PRU-14 kepada 21.1 juta pemilih yang layak dalam daftar pemilih semasa. Suruhanjaya Pilihan Raya perlu mempunyai masa yang mencukupi untuk persiapan pilihan raya dan memastikan sistem undi pos di luar negara dilaksanakan dengan berkesan.

Menurut Nirmala Devi Windgatter, Setiausaha Agung Global Bersih, perubahan ini boleh dibuat sebelum PRU15, kerana perubahan ini adalah prosedur mudah di bawah seliaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang tidak memerlukan pindaan ketara kepada undang-undang sedia ada. Bagi memastikan proses pengundian pos di luar negara berjalan dengan berkesan semasa PRU15, perubahan ini perlu dilaksanakan secepat mungkin oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan Kementerian berkaitan.

Global Bersih juga menekankan kepentingan jabatan kerajaan yang berkaitan menyebarkan maklumat mengenai proses pengundian di luar negara kepada rakyat Malaysia di luar negara secara aktif, dan menyeru Wisma Putra untuk menggunakan rangkaian misi luar negara untuk menyokong proses ini.

Perubahan ini perlu dilaksanakan dengan serta merta untuk mengelakkan kesulitan yang telah berlaku semasa PRU-14, seperti kekurangan maklumat yang jelas dan telus untuk pengundi luar negara, dan ketibaan kertas undi pos yang terlalu lewat; yang telah menghalang pengundi luar negara daripada mengundi.

Jawatankuasa Pemandu Global Bersih

Global Bersih adalah pertubuhan bukan kerajaan(NGO) antarabangsa rakyat Malaysia di luar negara, yang diwujudkan untuk menyokong masyarakat sivil Malaysia dan mengukuhkan demokrasi Malaysia yang semakin matang, dengan berfokuskan hak mengundi rakyat Malaysia di luar negara.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Nirmala Devi Windgatter

Setiausaha Agung

nirmala.wind@globalbersih.org

00 49 172 238 9665

Global Bersih

15 Coeur des Bastion

CH-1205

Geneva, Switzerland

www.globalbersih.org

facebook.com/GlobalBersih

twitter.com/GlobalBersih

1. https://en.wikipedia.org/wiki/Malaysian_diaspora

2. <https://bersih.org/2022/04/04/major-reform-needed-to-postal-voting-process-to-enfranchise-over-1-million-malaysians-living-overseas/>

3. Elections(Conduct of Elections) Regulations 1981, s3